



19 Ogos 2011
19 August 2011
P.U. (A) 281

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN
(LEBUH RAYA PANTAI TIMUR-FASA 2) 2011

*FEDERAL ROADS
(EAST COAST EXPRESSWAY-PHASE 2) ORDER 2011*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (LEBUH RAYA PANTAI TIMUR-FASA 2) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Jalan Persekutuan 1959 [Akta 376], Menteri, setelah berunding dengan Kerajaan Negeri Terengganu, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan Persekutuan (Lebuh Raya Pantai Timur-Fasa 2) 2011**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 22 Ogos 2011.

Perisytiharan jalan sebagai jalan Persekutuan

2. (1) Bahagian jalan yang dikenali sebagai Lebuh Raya Pantai Timur-Fasa 2 yang bermula—

(a) dari kilometer 365.544 di Persimpangan Bertingkat Bukit Besi (di koordinat U -15392.721, T +33595.713 Grid Cassini Negeri Terengganu) dan berakhir di kilometer 403.748 di Persimpangan Bertingkat Ajil (di koordinat U +15900.344, T +18910.634 Grid Cassini Negeri Terengganu) (kedua-dua jarak diukur dari Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur melalui Lebuh Raya Kuala Lumpur-Karak, Lebuh Raya Pantai Timur – Fasa 1 dan Lebuh Raya Pantai Timur – Fasa 2) termasuklah jalan-jalan sambungannya, iaitu suatu jarak sepanjang 38.204 kilometer; dan

(b) dari kilometer 423.246 di Persimpangan Bertingkat Telemung (di koordinat U +32846.487, T +12686.520 Grid Cassini Negeri Terengganu) dan berakhir di kilometer 424.793 (di koordinat U +34307.904, T +13156.195 Grid Cassini Negeri Terengganu)

termasuklah Persimpangan Jalan Telemung, iaitu suatu jarak sepanjang 1.547 kilometer, diisytiharkan sebagai jalan Persekutuan.

(2) Jalan yang diisytiharkan sebagai jalan Persekutuan di bawah subperenggan (1) ditunjukkan dalam peta dalam Jadual.

JADUAL
[Subperenggan 2(2)]

PETA LEBUH RAYA PANTAI TIMUR-FASA 2

